

**ORIENTASI MATLAMAT PENCAPAIAN DAN KERESAHAN TERHADAP
BAHASA ARAB DALAM KALANGAN MURID FELDA**

HARYATI BINTI AHMAD TERMIZI

Laporan Projek ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Pengurusan dan Pentadbiran

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2013

DEDIKASI

Teristimewa Buat Suamiku tercinta

Azizul Fahmi bin Salleh

Anak- Anakku yang Tersayang

Muhammad Amar al Adzim

Muhammad Harith Asyraf

Raudhatul Insyirah

Ayahanda Bonda dan Mertua yang kusanjungi

Ahmad Termizi bin Hussain

Hafsiah binti Talib

Hj. Salleh bin Abdul Hadi

Hjh. Suminah binti Bakri

Kekanda dan Adinda yang diingati

Khairullizam dan Keluarga

Lizatulziana dan Keluarga

Khalid dan Keluarga

Norashikin dan Keluarga

Yang Husaini dan Keluarga

Sahabat-sahabatku

MPA - Bandar Penawar Kota Tinggi

Kalian pencetus Inspirasi

Pembakar Semangat

Sekalung Penghargaan Terima Kasih Diucapkan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi dengan berkat dan kesabaran akhirnya saya dapat menyempurnakan penulisan ilmiah ini dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Sekalung budi dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan saya rakamkan kepada Prof. Madya Dr. Hamdan bin Said selaku penyelia dan pembimbing yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar yang berguna serta teguran yang membina sepanjang dalam proses menyempurnakan Projek Sarjana ini. Semoga budi dan jasa baik beliau akan sentiasa diberkati dan dirahmati Allah.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya murid tahun lima di sekolah-sekolah FELDA yang terlibat selaku responden dalam kajian ini. Kerjasama yang diberikan sepanjang saya menjalankan kajian amat baik dan membanggakan.

Sekalung budi dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ayah bonda dan mertua yang telah banyak memberi dorongan dan sokongan sepanjang pengajian ini. Buat suami tercinta, Azizul Fahmi bin Salleh sejuta penghargaan terima kasih diucapkan kerana banyak bersabar dan memberi sokongan sehingga di saat akhir proses menyempurnakan kajian ini.

Akhir kata, kepada rakan seperjuangan yang telah sama-sama mengharungi segala suka dan duka sepanjang proses pembelajaran ini. Semangat setiakawan dan keikhlasan kalian membantu serta berkongsi idea akan saya ingat buat selamanya. Begitu juga dengan pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan, semoga Allah mengurniakan keberkatan dan kesejahteraan.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji orientasi matlamat pencapaian dan keresahan terhadap Bahasa Arab dalam kalangan murid FELDA. Objektif kajian ini dijalankan ialah untuk mengenalpasti tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan Bahasa Arab murid tahun lima. Kajian juga dijalankan untuk mengenalpasti hubungan antara tahap motivasi, kepercayaan diri, dan keresahan murid dengan pencapaian dalam Bahasa Arab. Kajian ini dijalankan di enam buah sekolah rendah FELDA Kota Tinggi yang melibatkan seramai 290 orang murid tahun lima. Pemilihan bilangan sampel adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Data dikumpul melalui soal selidik yang diubahsuai daripada instrumen *Kajian Tahap Keresahan di Kalangan Pelajar Bahasa Asing Terhadap Mata Pelajaran Asing* (Wan Zarina et.al) dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* versi 16.0 yang melibatkan nilai min dan kekerapan, ujian- t dan kolerasi pearson. Instrumen kajian ini mengandungi 32 item yang menggunakan skala lima mata berdasarkan kepada skala terendah “Sangat Tidak Setuju” (skala 1 mata) kepada skala tertinggi “Sangat Setuju” (skala 5 mata). Hasil dapatan kajian menunjuk bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi, kepercayaan diri, dan keresahan Bahasa Arab murid tahun lima berdasarkan jantina. Hasil kajian juga mendapati bahawa tidak ada hubungan yang signifikan antara tahap *motivasi, kepercayaan diri* dan *keresahan* dengan pencapaian murid terhadap Bahasa Arab. Oleh itu pelbagai usaha perlu dilakukan untuk membantu murid ini agar terus cemerlang dalam menguasai Bahasa Arab.

ABSTRACT

A study was conducted to determine and examine the effectiveness of goal orientation and FELDA student achievement to Arabic Language. The objective of the study was to investigate and compare the level of motivation, confidence and anxiety in the Arabic Language among year five students in FELDA. The objective of this study also shows the relationship between the level of motivation, confidence and anxiety in the Arabic Language achievement. This study was conducted at six different school in FELDA Kota Tinggi which focused of 290 year five students. The selection of the number of samples is based on determining the sample size table Krejcie and Morgan (1970).The instrument used for the survey was adapted from *A Study of Anxiety level of Foreign Language Students toward Foreign Language Learning* (Wan Zarina et.al, 2007) questionnaire. Data was collected through questionnaires were distributed and analyzed using Statistical Package for Social Sciences version 16.0 which included mean and percentages, t-test and Pearson Correlation. The questionnaire contained 32 items, each one on a 5-point Likert scale ranging from “strongly disagree” (point 1 scale) to “strongly agree” (point 5 scale). The findings show that there is no significant difference between the level of motivation, confidence, and anxiety in the Arabic Language among year five students based on gender. The study also found that there was no significant relationship between the level of motivation, confidence and anxiety in the Arabic language achievement. Therefore efforts should be done to help these students to continue excel in mastering Arabic Language.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SIMBOL	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	3
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Hipotesis kajian	8
	1.7 Skop Kajian	9
	1.8 Batasan Kajian	9
	1.9 Kepentingan Kajian	
	1.9.1 Kepentingan kepada murid sekolah rendah	10

1.9.2	Kepentingan kepada guru mata pelajaran bahasa Arab	10
1.9.3	Kepentingan kepada penggubal modul	11
1.9.4	Kepentingan kepada bakal-bakal guru bahasa Arab	11
1.9.5	Kepentingan kepada pentadbir sekolah	12
1.9.6	Kepentingan kepada Ketua Panitia Bahasa Arab	12
1.9.7	Kepentingan kepada ibu bapa atau penjaga	12
1.10	Teori	13
1.10.1	Teori Motivasi	13
1.10.2	Teori Keresahan	14
1.10.3	Teori Kepercayaan diri	15
1.11	Kerangka Teori	16
1.12	Definisi Istilah dan Operasi	16
1.12.1	Orientasi matlamat pencapaian	17
1.12.2	Keberkesanan	17
1.12.3	FELDA	18
1.12.4	Bahasa Arab	18
1.13	Penutup	19

2

SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	20
2.2	Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing	21
2.3	Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua	22
2.4	Pelaksanaan Bahasa Arab di sekolah rendah	23
2.4.1	Latar Belakang	23
2.4.2	Matlamat Bahasa Arab di sekolah rendah	24
2.4.3	Objektif Bahasa Arab di sekolah rendah	26
2.4.4	Rasional Penggubalan Kurikulum Bahasa Arab Sekolah Rendah	26
2.4.5	Kemahiran Bahasa	28
2.4.6	Tema	29
2.4.7	Aspek Bahasa	30
2.4.8	Perbendaharaan kata	30
2.5	Faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Bahasa Arab	31
2.5.1	Motivasi Dalam Pembelajaran	31
2.5.2	Jenis-jenis motivasi	34
2.5.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi	34
2.5.3.1	Motivasi dengan minat	33
2.5.3.2	Motivasi dengan naluri dan inkuiri	34
2.5.3.3	Motivasi dengan desakan dan keperluan	34
2.5.3.4	Motivasi dengan sikap, harapan	35

2.5.4	Kepercayaan Diri	36
2.5.5	Keresahan Diri	37
	2.5.5.1 Penyebab Kecelaruhan Kebimbangan/ Keresahan	38
	2.5.5.2 Kebimbangan Umum	39
	2.5.5.3 Kebimbangan Ujian	40
2.6	Kajian-kajian yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab	40
2.7	Penutup	44

3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.3	Lokasi Kajian	47
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	48
3.5	Teknik persampelan	49
3.6	Instrumen Kajian	52
3.7	Kesahan dan kebolehppercayaan	54
3.8	Kajian Rintis	54
3.9	Pengumpulan Data	55
3.10	Analisis Data	56
3.11	Prosedur Kajian	57

4	ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisis Latarbelakang Responden	60
4.2.1	Jantina	60
4.2.2	Kaum Responden	61
4.2.3	Pengalaman Belajar di Sekolah terkini	61
4.2.4	Tempat Tinggal Responden	62
4.2.5	Pencapaian Bahasa Arab dalam Peperiksaan Akhir Tahun yang Terkini	63
4.2.6	Bahasa Pertuturan di rumah	65
4.3	Analisis Deskriptif	
4.3.1	Maklumbalas Responden Berkaitan Tahap Motivasi Terhadap Pencapaian Bahasa Arab	66
4.3.2	Maklumbalas Responden Berkaitan Tahap Kepercayaan Diri Terhadap Pencapaian Bahasa Arab	71
4.3.3	Maklumbalas Responden Berkaitan Tahap Keresahan Terhadap Pencapaian Bahasa Arab	75
4.4	Pengujian Hipotesis	80
4.5	Penutup	86

5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	87
5.2	Perbincangan dan Rumusan	87
5.2.1	Latar belakang Responden	88
5.2.2	Tahap Motivasi, Kepercayaan Diri, dan Keresahan Bahasa Arab Murid Tahun Lima di FELDA	89
5.2.3	Perbezaan Tahap Motivasi, Kepercayaan Diri, dan Keresahan Bahasa Arab Murid Tahun Lima di FELDA	90
5.2.4	Hubungan Tahap Motivasi, Kepercayaan Diri, dan Keresahan Bahasa Arab Murid Tahun Lima di FELDA	91
5.3	Cadangan	93
5.3.1	Cadangan Umum	91
5.3.1.1	Teknik Pengajaran Guru di dalam kelas	94
5.3.1.2	Sokongan Ibu Bapa	94
5.3.1.3	Pelaksanaan Ujian Peringkat Sekolah	92
5.3.1.4	Aktiviti dan Kaedah yang Pelbagai	95
5.3.2	Cadangan Kajian Lanjutan	95
5.4	Penutup	96
	RUJUKAN	97

SENARAI JADUAL

JADUAL	PERKARA	MUKASURAT
2.1	Pemilihan tema bagi sukatan pelajaran bahasa Arab sekolah rendah	28
2.2	Faktor yang mempengaruhi penaksiran diri yang Subjektif	37
3.1	Taburan bilangan sekolah dan bilangan murid sekolah rendah FELDA di daerah Kota Tinggi	47
3.2	Jadual Krejcie, R.V dan Morgan D.W yang menunjukkan kadar menentukan jumlah sampel dari Populasi	49
3.3	Taburan sekolah dan bilangan murid yang telah dipilih secara rawak	52
3.4	Rajah Skala Pemeringkat Likert	49
3.5	Pekali Alpha Cronbach	55
3.6	Pengujian Hipotesis Nol	56
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	60
4.2	Taburan Responden Mengikut Kaum	55
4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Belajar Di Sekolah	55

4.5	Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal	63
4.6	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Bahasa Arab dalam Peperiksaan Akhir Tahun yang Terkini	64
4.7	Taburan Responden Mengikut Bahasa Pertuturan	65
4.8	Jadual Julat Skor Min	66
4.9	Analisis Motivasi Murid terhadap pencapaian bahasa Arab	67
4.10	Analisis Kepercayaan Diri Murid terhadap pencapaian bahasa Arab	71
4.11	Analisis Keresahan Murid terhadap pencapaian bahasa Arab	76
4.12	Analisis Ujian-t perbandingan bagi tahap motivasi murid dari segi jantina	80
4.13	Analisis Ujian-t perbandingan bagi tahap kepercayaan diri murid dari segi jantina	81
4.14	Analisis Ujian-t perbandingan bagi tahap keresahan murid dari segi jantina	82
4.15	Analisis Ujian Kolerasi Hubungan Di Antara tahap motivasi murid dengan pencapaian Bahasa Arab	83
4.16	Analisis Ujian Kolerasi Hubungan Di Antara tahap Kepercayaan diri murid dari segi jantina	84

4.17	Analisis Ujian Kolerasi Hubungan Di Antara tahap Keresahan diri murid dengan pencapaian bahasa arab	85
------	--	----

SENARAI RAJAH

RAJAH	PERKARA	MUKASURAT
1.1	Analisa keputusan Bahasa Arab Peperiksaan Akhir Tahun 2012	5
1.2	Model kerangka teori orientasi matlamat pencapaian dan keberkesanan murid FELDA terhadap Bahasa Arab	16
3.1	Kerangka operasi kajian berdasarkan Model Instruksi (ID) Kerangka Proposal	56
3.2	Prosedur kajian yang dilaksanakan	58

SENARAI SIMBOL

$\%$	-	Peratus
f	-	Kekerapan
α	-	Alpha Cronbach
r	-	Pekali Kolerasi Pearson
df	-	Degree of Freedom

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang Soal Selidik	103
B	Nilai Analisis Data – Kajian Rintis	108
C	Nilai Analisis Data – Kajian Sebenar	113
D	Surat Pengesahan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia	133
E	Surat Kebenaran melaksanakan Kajian Projek Sarjana dari PPD Kota Tinggi	134
F	Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 13/2004 : Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah (KP(85)8591/Jld.XVII(13) bertarikh 30 Disember 2004)	135
G	Surat pekeliling ikhtisas Bil.8 Tahun 2002 KP (BS)8591 jild xvii (8) bertarikh 1 Oktober 2002 : Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Arab Tambahan di Sekolah Kebangsaan (SK).	138

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang penting untuk penyebaran ilmu dan juga dakwah Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w. Bahasa Arab dijadikan sebagai bahasa pengantar utama dalam kalangan saudagar ketika kegiatan perdagangan di Nusantara. Kedatangan agama Islam Nusantara berlaku di sekitar tahun 630 masihi, iaitu pada zaman hayat Rasulullah SAW atau pada pertengahan abad ke 7 masihi yang dibawa oleh saudagar Arab dengan Nusantara telah wujud sebelum itu (Ahmad Mohd Salleh,2011). Secara tidak langsung perkembangan perdagangan di Nusantara telah menyebabkan berlakunya penyebaran agama Islam dan Bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia. Keunikan dan keunggulannya telah tersohor apabila kehebatan al-Quran diturunkan oleh Allah di dalam bahasa Arab tidak dicabar oleh sesiapa pun sebagaimana firman Allah:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ ۚ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ

دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

Maksudnya: “Dan jika kamu (tetap) dalam keraguan tentang al-Quran yang Kami wahyukan kepada hamba Kami (Muhammad), buatlah satu surah sahaja yang sebanding dengan al-Quran dan pangillah penolong-penolongmu selain Allah, jika kamu orang-orang yang benar.” (Surah Al-Baqarah : ayat 23)

Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia telah berlaku secara tradisional iaitu di rumah imam atau guru, madrasah- madrasah, pondok-pondok dan di masjid-masjid untuk mendalami ilmu agama (Ahmad Mohd Salleh, 2011). Pengajaran bahasa Arab secara tidak langsung mengiringi pengajian Islam (Rosni,2012). Pelajar perlu mengetahui bahasa Arab sebelum memahami ilmu-ilmu Islam dan juga kitab-kitabnya. Pembelajaran ilmu agama seperti kitab-kitab usul, kitab-kitab fiqh dan hikayat-hikayat yang berkaitan pelajaran dan pengajaran telah diajar secara tradisional. Ilmu-ilmu agama ini menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama. Kini, Bahasa Arab dikenali sebagai bahasa kedua atau bahasa asing di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Bahasa Arab telah mendapat perhatian oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk memperkasakan penguasaan bahasa Arab di Malaysia. Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan satu program iaitu Program j-QAF yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri. Program j-QAF masih dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di sekolah-sekolah rendah . Salah satu komponen yang perlu dipelajari oleh murid ialah matapelajaran bahasa Arab Komunikasi yang berfokuskan kepada kebolehan murid berkomunikasi dengan perkataan-perkataan mudah dalam bahasa Arab.

1.2 Latar Belakang Masalah Kajian

Mata pelajaran bahasa Arab di sekolah rendah kini menjadi tumpuan kerana Bahasa Arab merupakan bahasa tambahan atau bahasa pilihan selepas Bahasa Inggeris. Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 13/2004 : Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah Rendah (KP(85)8591/Jld.XVII(13) bertarikh 30 Disember 2004), “ status mata pelajaran ini adalah sebagai mata pelajaran pilihan. Murid Islam hendaklah memilih Bahasa Arab Komunikasi sekiranya tidak mengambil mata pelajaran Bahasa Cina Komunikasi atau bahasa Tamil Komunikasi”. Murid bukan Islam pula diberi pilihan sama ada ingin mempelajari bahasa Arab atau tidak.


Pendidikan Bahasa Arab memberi peluang kepada murid dalam memahami empat kemahiran yang utama iaitu kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis serta membolehkan mereka menggunakan bahasa Arab dalam penulisan dan percakapan di sekolah atau di luar sekolah. Walau bagaimanapun, kebanyakan individu atau murid sekolah rendah khususnya sering menyatakan bahasa Arab adalah bahasa yang rumit dan sukar untuk dipelajari serta difahami. Pendapat sebegini akan menjadi penghalang kepada mereka untuk meningkatkan usaha dalam menguasai empat kemahiran utama iaitu kemahiran membaca, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis.

Tahap motivasi yang tinggi dalam kalangan murid akan menjadikan mereka minat untuk belajar bahasa Arab, manakala tahap motivasi yang rendah pula akan memberi kesan yang negatif dan secara tidak langsung akan menghakis minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab. Menurut Abu Zahari (1988), minat dan kecenderungan murid terhadap sesuatu perkara memberi pengaruh penting kepada pencapaian pelajaran mereka.

Kebanyakan murid yang masih belum menguasai dan mengenal huruf-huruf Hijaiyah mempunyai tahap kepercayaan diri yang rendah. Keadaan ini terjadi kerana mereka menjadi kurang yakin untuk menyebut dan membaca perkataan-perkataan dalam bahasa Arab. Tahap kepercayaan diri yang rendah ini akan menyukarkan lagi murid-murid sekolah rendah untuk menguasai bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, tahap motivasi dan kepercayaan diri yang tinggi atau rendah dalam kalangan murid akan mempengaruhi tahap keresahan atau kebimbangan mereka terhadap bahasa Arab.

1.3 Penyataan Masalah

Mata pelajaran Bahasa Arab masih lagi baru berkembang di peringkat sekolah rendah. Sukatan Pelajarannya sentiasa berubah bagi menyesuaikan dengan tahap penguasaan murid-murid di peringkat sekolah rendah. Namun begitu, tidak mudah bagi seseorang murid untuk mempelajari serta menguasai Bahasa Arab kerana bahasa ini adalah bahasa asing dan amat berbeza dengan bahasa ibunda kita iaitu Bahasa Melayu. Pelbagai kekangan yang berlaku dalam menguasai bahasa Arab terutama dalam menangani masalah motivasi, kepercayaan diri dan keresahan murid-murid semasa mempelajari bahasa tersebut. Pelbagai masalah yang mungkin berlaku sepanjang proses pembelajaran mereka yang boleh mengganggu prestasi pencapaian terhadap Bahasa Arab. Bagi melihat dengan lebih jelas tentang pencapaian murid terhadap Bahasa Arab, rajah 1.1 menunjuk tahap pencapaian murid bagi Peperiksaan Akhir Tahun 2012.



Rajah 1.1: Analisa keputusan Bahasa Arab Peperiksaan Akhir Tahun 2012
(Sumber : Unit Pendidikan Islam, PPD Kota Tinggi, Johor)

Tahap keresahan murid berlaku apabila mereka tidak mengenal huruf – huruf asas hijaiyah. Keadaan ini menyebabkan murid tidak boleh membaca dan secara tidak langsung menimbulkan keresahan dalam belajar Bahasa Arab. Murid-murid berasa tidak yakin semasa berada di dalam kelas Bahasa Arab kerana perasaan rendah diri menguasai jiwa mereka. Keadaan tidak boleh membaca serta tidak mampu mengenal huruf-huruf hijaiyah telah mengganggu tahap motivasi dan pencapaian murid dalam Bahasa Arab. Susulan dengan keadaan ini, murid akan berasa tidak yakin dengan kemampuan diri. Terdapat beberapa kes di sekolah, murid ponteng kelas semata-mata tidak mahu mengikuti kelas Bahasa Arab.

Persekitaran bahasa yang diwujudkan adalah tidak menyeluruh dan terhad kepada bilik-bilik tertentu sahaja (Nik Mohd Rahimi, 1998). Suasana pembelajaran Bahasa Arab di rumah pula tidak wujud. Ini disebabkan latar belakang ibubapa murid tidak mempunyai asas Bahasa Arab. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat bertutur serta mempraktikkan Bahasa Arab sebaiknya. Malah, ada dalam kalangan ibu bapa tidak menghiraukan keperluan anak mereka dalam mempelajari bahasa ini. Murid tidak ada sumber rujukan dalam mempelajari dan mengukuhkan Bahasa Arab di rumah.

Tahap penguasaan murid terhadap perbendaharaan kata Bahasa Arab tidak banyak dan meluas. Murid juga mempunyai tanggapan bahawa Bahasa Arab ini terlalu susah. Mereka berasa resah apabila melihat bentuk huruf, baris dan juga struktur ayat dalam Bahasa Arab. Keadaan ini mengganggu tumpuan pembelajaran murid di dalam kelas. Ada yang kaku dan takut untuk menyebut perkataan dalam Bahasa Arab walaupun murid ini mampu membaca al Quran. Secara logiknya, Bahasa Arab adalah bahasa al Quran. Jika murid boleh membaca al Quran, maka mereka juga mampu mempelajari Bahasa Arab. Keadaan ini juga mempunyai kaitan dengan tahap motivasi dan keresahan murid dalam mempelajari Bahasa Arab.

Tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan terhadap Bahasa Arab yang dialami oleh murid tahun lima di sekolah rendah boleh menjadi faktor atau punca kegagalan mereka untuk menguasai Bahasa Arab terutamanya di dalam Peperiksaan Akhir Tahun. Masalah ini dapat dikesan setelah terdapat murid yang gagal dalam Peperiksaan Akhir Tahun. Tahap motivasi, kepercayaan diri, dan keresahan terhadap Bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain. Perbezaan ini akan mempengaruhi tahap penguasaan terhadap matapelajaran Bahasa Arab. Menurut Grasha (1996), Orientasi matlamat pembelajaran adalah kualiti individu yang mempengaruhi keupayaan murid untuk mendapatkan maklumat supaya dapat berkomunikasi dengan rakan sebaya dan guru dalam pengalaman pembelajaran.

Tahap motivasi dan kepercayaan diri murid dalam pembelajaran Bahasa Arab merupakan satu dorongan dan pemangkin yang boleh merangsang murid untuk melibatkan diri secara aktif. Oleh itu, tahap keberkesanan amalan motivasi dan kepercayaan diri murid perlu diukur dan dikenalpasti ke arah mencapai matlamat pencapaian pembelajaran Bahasa Arab di sekolah rendah. Setiap murid mempunyai tahap motivasi, kepercayaan diri, dan keresahan yang tersendiri. Keadaan ini bergantung kepada bagaimana mereka mengawal serta mengendalikannya. Oleh yang demikian, kajian ini akan merungkai segala masalah yang berkaitan dan menyumbang kaedah serta cara penyelesaiannya.

1.4 Objektif kajian

Objektif merupakan sesuatu keputusan yang telah ditentukan dalam semua perkara. Sekiranya objektif tidak dinyatakan dengan betul, kemungkinan instrumen yang dibina atau digunakan adalah salah (Mohd. Najib, 2003). Objektif utama kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan Bahasa Arab murid tahun lima.
2. Menentukan samada terdapat perbezaan tahap motivasi, kepercayaan diri, dan keresahan Bahasa Arab dalam kalangan murid tahun lima berdasarkan jantina.
3. Mengenalpasti hubungan antara tahap motivasi, kepercayaan diri, dan keresahan murid dengan pencapaian dalam Bahasa Arab.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

1. Apakah tahap motivasi, kepercayaan diri, dan keresahan terhadap Bahasa Arab dalam kalangan murid tahun lima?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap motivasi, kepercayaan diri, dan keresahan terhadap Bahasa Arab dalam kalangan murid tahun lima berdasarkan jantina?

3. Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan murid terhadap Bahasa Arab dalam kalangan murid tahun lima dengan pencapaian Bahasa Arab?

1.6 Hipotesis Kajian

Berpandukan persoalan-persoalan kajian yang telah dinyatakan, terdapat enam hipotesis kajian yang perlu diuji.

- Ho 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap motivasi dengan faktor jantina.
- Ho 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kepercayaan diri terhadap Bahasa Arab dengan faktor jantina.
- Ho 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap keresahan terhadap Bahasa Arab dengan faktor jantina.
- Ho 4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap motivasi terhadap Bahasa Arab dengan pencapaian bahasa Arab.
- Ho 5: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kepercayaan diri terhadap Bahasa Arab dengan pencapaian bahasa Arab.
- Ho 6: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap keresahan terhadap Bahasa Arab dengan pencapaian bahasa Arab.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada orientasi pembelajaran dalam menentukan tahap akademik murid dalam matapelajaran Bahasa Arab. Kajian ini secara umumnya ingin melihat hubungan antara pembolehubah orientasi matlamat pencapaian yang melibatkan motivasi, kepercayaan diri serta keresahan murid dengan pembolehubah pencapaian prestasi bahasa Arab murid.

Sampel kajian ini adalah murid sekolah rendah. Responden ini adalah murid tahun lima yang telah mengikuti dan mempelajari matapelajaran Bahasa Arab selama lima tahun. Mereka juga telah menduduki Peperiksaan Setara Akhir Tahun 2012. Sampel sekolah pula melibatkan sekolah rendah FELDA di daerah Kota Tinggi yang melibatkan enam buah sekolah. Dalam kajian ini juga, pengkaji mengambil markah Peperiksaan Setara Akhir Tahun 2012 sebagai indikator kepada pencapaian murid tahun lima.

1.8 Batasan kajian

Kajian ini dijalankan di enam buah sekolah rendah FELDA di daerah Kota Tinggi. Kajian ini tidak dijalankan ke atas murid tahun satu hingga tahun empat kerana murid ini masih belum mencapai tahap maksima / khatam dalam mempelajari Bahasa Arab. Murid ini juga masih belum mahir dalam membuat penilaian dalam menentukan tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan bahasa Arab. Kajian ini juga tidak dijalankan ke atas murid tahun enam kerana mereka adalah murid yang terlibat dengan peperiksaan UPSR.

1.9 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian dan penulisan ini boleh memberi manfaat dan faedah kepada pelbagai pihak seperti murid sekolah rendah, guru mata pelajaran bahasa Arab, penggubal modul, bakal-bakal guru bahasa Arab, pentadbir sekolah, ketua-ketua Panitia Bahasa Arab dan ibu bapa atau penjaga.

1.9.1 Kepentingan kepada murid sekolah rendah

Kajian ini berfokuskan tentang orientasi matlamat pencapaian dan juga motivasi, kepercayaan diri dan keresahan murid terhadap bahasa Arab. Justeru itu, kajian ini dapat membantu murid dalam mengatasi masalah yang berkaitan kepercayaan diri serta keresahan dalam mempelajari bahasa Arab. Secara tidak langsung akan memberi ruang kepada murid dalam meningkatkan motivasi belajar dan dapat meningkatkan prestasi pencapaian yang lebih baik dan cemerlang.

1.9.2 Kepentingan kepada guru mata pelajaran bahasa Arab

Kebanyakan guru amat prihatin terhadap prestasi pencapaian murid mereka, begitu juga dengan guru mata pelajaran bahasa Arab. Mereka amat peka terhadap perkembangan dan proses pembelajaran murid mereka. Dengan dapatan kajian ini, guru mata pelajaran bahasa Arab akan mendapat gambaran dan juga panduan sejauhmana tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan murid dalam bahasa Arab. Maka, guru dapat membuat persediaan yang mantap dalam membuat persediaan pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas supaya dapat mempengaruhi tahap motivasi, kepercayaan diri

dan keresahan murid dalam menguasai bahasa Arab. Guru juga dapat menyesuaikan jenis orientasi pembelajaran terhadap murid mereka.

1.9.3 Kepentingan kepada penggubal modul

Modul-modul pembelajaran amat penting dalam membantu pencapaian prestasi murid. Bahan dan sumber rujukan yang mantap sahaja dapat membuka peluang kepada murid untuk lebih berkesan dalam pemelajaran mereka. Penggubal modul yang terdiri daripada guru secara amnya dan guru cemerlang secara khususnya perlu mengetahui tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan murid dalam mempelajari bahasa Arab. Oleh itu, penggubal modul data mengetahui tentang orientasi matlamat pencapaian murid serta tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan mereka terhadap bahasa Arab. Perkara ini secara tidak langsung dapat membantu para penggubal modul dalam melengkapkan diri mereka dengan bahan, sumber dan teknik yang sesuai dengan murid.

1.9.4 Kepentingan kepada bakal guru bahasa Arab

Kemajuan yang berlaku dalam bidang pendidikan menyebabkan berlakunya transformasi pendidikan yang makin maju dan mencabar. Keadaan ini menyebabkan bakal guru-guru bahasa Arab perlu mengetahui tentang orientasi matlamat pencapaian dan tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan murid terhadap bahasa Arab. Hasil kajian ini dapat membantu meningkatkan pemahaman bakal guru bahasa Arab dalam membuat persediaan pengajaran dan mengatasi masalah yang mungkin berlaku berkaitan dengan motivasi, kepercayaan diri dan keresahan murid terhadap bahasa Arab.

1.9.5 Kepentingan kepada pentadbir sekolah

Kemajuan prestasi murid bergantung kepada kebijaksanaan pengurusan sekolah. Pentadbir sekolah bertanggungjawab dalam memastikan sasaran pencapaian akademik tercapai seperti yang disasarkan. Dengan kajian ini, pentadbir sekolah boleh membuat rujukan dalam usaha mengatur dan menyusun program yang berkaitan dengan orientasi matlamat pencapaian dan juga membina tahap motivasi murid dalam pembelajaran. Secara tidak langsung pihak pentadbir sekolah dapat mengatasi masalah –masalah yang dihadapi murid dalam mempelajari bahasa Arab di peringkat sekolah rendah.

1.9.6 Kepentingan kepada Ketua Panitia Bahasa Arab

Kebijaksanaan ketua panitia dalam menguruskan organisasi panitia amat penting dalam menentukan tahap pencapaian murid dalam bahasa Arab. Kemahiran mengurus organisasi panitia juga memberi kesan kepada orientasi pembelajaran murid. Ketua panitia perlu mahir dalam merancang dan melaksanakan aktiviti serta program yng dapat menarik minat murid dan meningkatkan motivasi dan kepercayaan diri murid dalam mempelajari bahasa Arab serta melenyapkan perasaan keresahan dalam diri murid . Oleh itu, Ketua Panitia Bahasa Arab boleh memanfaatkan segala hasil dapatan kajian ini.

1.9.7 Kepentingan kepada ibu bapa atau penjaga

Selain daripada guru di sekolah, ibu bapa serta penjaga juga perlu memainkan peranan masing-masing dalam mengenalpasti tahap pencapaian anak mereka. Mereka juga perlu memastikan tahap pencapaian anak sentiasa meningkat ke arah yang lebih

baik. Justeru itu, dapatan kajian ini dapat membantu ibu bapa dalam membantu pendekatan orientasi matlamat pencapaian dan mengetahui tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan anak mereka terhadap bahasa Arab.

1.10 Teori

Terdapat beberapa teori yang telah dikemukakan tentang orientasi matlamat pencapaian dan keberkesanan murid dalam bidang akademik. Teori dan konsep adalah berbeza mengikut perspektif kajian termasuklah personaliti, jantina, persekitaran keluarga, taraf sosio ekonomi, minat, sikap, motivasi, gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran (Mohd Fadzli & Mohd Sukki, 2012).

1.10.1 Teori Motivasi

Teori berkaitan motivasi adalah teori yang utama dalam kajian ini. Motivasi adalah merupakan elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna kerana motivasi merupakan kaedah pengajaran yang boleh merangsang minat pelajar dalam mata pelajaran yang diikuti. Motivasi juga merupakan satu penggerak dari dalam hati individu untuk melakukan atau mencapai sesuatu tujuan dan matlamat. Menurut Hassan (2002), motivasi diibaratkan jantung dalam proses belajar iaitu menggerak tingkah laku dan juga memperkuatkan lagi tingkah laku. Pelajar yang bermotivasi dalam proses pembelajaran akan konsisten dalam menunjukkan minat, semangat dan ketekunan yang tinggi. Tetapi sebaliknya bagi pelajar yang kurang atau tidak bermotivasi.

Salah satu teori yang berkait rapat dengan motivasi ialah “*Teori Motivasi Pencapaian McClelland*”. McClelland (1978) dalam Abdul Rahman (1997), mengatakan bahawa motivasi individu akan meningkat jika dirinya dimotivasikan serta memahami unsur-unsur motivasi dan melibatkan diri secara aktif dalam usaha itu. Hal ini dengan sendirinya menjelaskan proses motivasi itu bertindak secara dua hala, dan kedua-dua pihak pula mestilah saling memberi dan menerima serta membezakan di antara *high achievers* dengan *low achievers* yang mana pada kebiasaannya *high achievers* menetapkan matlamat tidak mudah dan terlalu susah untuk dicapai.

Motivasi merupakan satu set proses yang memberi tenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan matlamat menjuruskan tingkah laku itu kepada satu-satu matlamat. Seseorang yang bermotivasi akan membuat pilihan positif untuk melaksanakan sesuatu itu kerana beliau akan mengetahui tindakan ini bermakna kepadanya dan boleh memuaskan keperluannya. Di samping itu, McClelland (1978) dalam Abdul Rahman (1997), menekankan juga tentang tingkah laku individu yang bermotivasi pencapaian tinggi. Hal ini kerana individu ini mempunyai keinginan untuk mengatasi rintangan dan sanggup bersusah-payah untuk mencapai sesuatu yang baik. Oleh itu, dalam teori motivasi pencapaian ini menyebabkan harapan untuk kejayaan dan ketakutan untuk kegagalan tertanam dalam jiwa murid tersebut.

Kajian ini juga merujuk kepada “*Teori motivasi Herzberg (1966)*”. Menurut Herzberg (1966), ada dua jenis faktor yang mendorong seseorang untuk berusaha mencapai kepuasan dan menjauhkan diri dari ketidakpuasan. Dua faktor itu adalah faktor ekstrinsik dan faktor intrinsik. Faktor ekstrinsik ialah memotivasi seseorang untuk keluar dari ketidakpuasan, termasuk didalamnya adalah hubungan antara manusia, imbalan, keadaan sekeliling, dan sebagainya. Manakala faktor intrinsik pula ialah memotivasi seseorang untuk berusaha mencapai kepuasan, yang termasuk didalamnya adalah kejayaan, pengakuan dan kemajuan dalam kehidupan.

1.10.2 Teori Keresahan


Tahap keresahan atau kebimbangan murid dalam mempelajari Bahasa Arab mempunyai kesan terhadap prestasi pembelajaran. Spielberger mengatakan bahawa terdapat dua jenis kebimbangan iaitu kebimbangan *state* dan kebimbangan *trait*. Kebimbangan *state* adalah bercirikan subjektif, perasaan bimbang dan debar secara sedar diikuti oleh kehadiran rasa ragu-ragu yang dibangkitkan oleh sistem saraf. Kebimbangan *state* bersifat sementara dan berubah-ubah mengikut masa apabila individu menerima rangsangan yang berpotensi membahayakan dan imaginasi tentang kewujudan rangsangan. Seterusnya individu itu akan menunjukkan tindak balas dalam darjah yang berbeza mengikut tahap ancaman yang dirasai. Kebimbangan *trait* pula merujuk kepada perbezaan personaliti secara relatifnya bersifat stabil apabila seseorang itu melihat keadaan yang secara kasarnya tidak langsung memberi ancaman.

1.10.3 Teori Kepercayaan diri

Selain tahap motivasi dan keresahan, tahap kepercayaan diri atau tahap keyakinan juga mempunyai hubungan dengan pencapaian murid. Kepercayaan diri dalam kajian ini lebih cenderung kepada keupayaan diri dalam keberkesanan pencapaian akademik murid terhadap bahasa Arab. Teori Bandura (1986) iaitu *self efficacy* menjelaskan keadaan yang berkaitan dengan keyakinan individu tentang kemampuan untuk melakukan sesuatu dengan lebih berkesan. Teori ini menjelaskan bahawa iaitu *self efficacy* adalah mekanisme kognitif yang menjadi pengantara motivasi, corak pemikiran dan tingkahlaku. Bandura menggambarkan *self efficacy* sebagai penentu cara individu berfikir, berperilaku, dan berasa yakin dengan kemampuan dalam melaksanakan tugas atau tindakan untuk mencapai suatu hasil tertentu. *Self efficacy* juga merupakan pertimbangan individu terhadap kemampuan beraksi dalam apa jua yang dilakukan dan merupakan pengaruh diri yang kompleks (Bandura, 1994).

1.11 Kerangka Teori

Kepentingan untuk mengenalpasti pembolehubah kajian adalah sangat penting sebelum sesuatu kajian dijalankan (Mohd Najib, 2003). Oleh itu, kerangka konseptual ini dibina untuk melihat orientasi matlamat pencapaian dan keberkesanan murid. Kerangka teori yang dicadangkan oleh pengkaji ialah seperti berikut :



Rajah 1.2: Model kerangka teori orientasi matlamat pencapaian dan keberkesanan murid FELDA terhadap Bahasa Arab

1.12 Definisi Istilah dan Operasi

Terdapat beberapa istilah yang diterangkan dalam kajian ini bagi mengelakkan kekeliruan pembaca. Istilah-istilah tersebut yang digunakan sepanjang penulisan kajian ini adalah berdasarkan konteks dan skop kajian. Istilah tersebut ialah orientasi, matlamat, pencapaian, keberkesanan, murid dan FELDA. Huraian definisi bagi istilah tersebut secara konseptual dan operasional adalah seperti berikut:

1.12.1 Orientasi matlamat pencapaian

Matlamat pencapaian adalah bermaksud sasaran yang mahu dicapai atau diperolehi. Menurut Allisson dan Kaye (1997) menjelaskan matlamat pencapaian ialah pernyataan hasil yang menjadi garis panduan pada semua aktiviti dalam organisasi. Istilah ini merujuk orientasi matlamat yang dikatakan dapat membezakan motivasi seseorang berdasarkan kualiti strategi pembelajaran yang diamalkan oleh mereka (Archer 1994). Kajian ini mengkhususkan kepada tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan kepada orientasi matlamat pencapaian dalam pendekatan pembelajaran murid sekolah rendah. Definisi secara operasi bagi istilah orientasi matlamat pencapaian dalam penulisan kajian ini merujuk kepada pendekatan tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan murid dalam mata pelajaran bahasa Arab.

1.12.2 Keberkesanan

Perkataan 'keberkesanan' berasal daripada 'kesan'. Kamus Dewan (2002) 'Kesan' membawa maksud tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas sama ada kebaikan atau keburukan. Manakala 'keberkesanan' membawa maksud berkesannya sesuatu tindakan atau perbuatan. Dalam konteks kajian ini 'keberkesanan' bermaksud hasil atau akibat yang terjadi dalam pencapaian prestasi mata pelajaran bahasa Arab yang diperolehi oleh murid tahun 5 di FELDA dalam Peperiksaan Setara Akhir Tahun yang terkini.

1.12.3 FELDA

FELDA adalah singkatan daripada Federal Land Consolidation Authority yang bermaksud Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. FELDA telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah (Land Development Ordinance) 1956. FELDA adalah satu agensi kerajaan Malaysia yang menangani penempatan semula penduduk luar bandar yang miskin ke kawasan-kawasan yang baru dibangunkan agar meningkatkan taraf ekonomi mereka. Skim-skim FELDA hanya dikhaskan untuk orang Melayu yang membentuk sebilangan besar penduduk Malaysia. Sehingga tahun 2000, FELDA mengusahakan tanah sebanyak 9,000 kilometer persegi, kebanyakannya ladang kelapa sawit. Definisi secara operasi bagi istilah FELDA adalah merujuk kepada murid tahun lima yang bersekolah di FELDA.

1.12.4 Bahasa Arab

Bahasa Arab merujuk kepada suatu bahasa dari rumpun Bahasa Semit Selatan yang digunakan oleh orang-orang yang mendiami Semenanjung tanah Arab di bahagian barat daya benua Asia (Ensiklopedia Islam, 2001). Bahasa Arab juga merupakan bahasa asing yang mempunyai cara percakapan atau dialog pertuturan yang berbeza dari budaya dan konteks masyarakat setempat. Dalam konteks negara Malaysia, Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, maka bahasa selain daripada Bahasa Malaysia adalah dianggap bahasa asing.

1.13 Penutup

Murid yang mempunyai motivasi dan kepercayaan diri akan mencapai prestasi yang baik dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Arab. Penguasaan bahasa Arab yang lemah akan mempengaruhi matlamat pencapaian sekolah terhadap mata pelajaran tersebut. Bab ini juga menunjukkan beberapa penemuan awal tentang kelemahan dan masalah-masalah murid dalam mendalami ilmu Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah khususnya dalam kalangan anak-anak FELDA. Kajian yang dijalankan terhadap murid tahun enam di sekolah-sekolah Felda dapat membantu untuk memenuhi objektif kajian. Teori-teori yang berkaitan seperti “Teori Motivasi Pencapaian McClelland”, “Teori motivasi Herzberg (1966), teori kepercayaan diri dan teori kebimbangan” digunakan sebagai panduan dalam melaksanakan kajian ini. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengetengahkan tentang matlamat pencapaian dan keberkesanan murid FELDA terhadap Bahasa Arab berdasarkan tahap motivasi, kepercayaan diri dan keresahan Bahasa Arab secara mendalam dan komprehensif.

RUJUKAN

- Abdul Alim Ibrahim (1994). *Al-Muwajih al-Fanni Limudarrisi al-Lughah al-Arabiyyah*. Darul Ma'arif, Kaherah.
- Abd. Halim Mohamad & Wan Mohamad Wan Sulong (2003). *Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian Kes Pelajar Bachelor Bahasa Arab Di IPTA Malaysia*. Wacana Pendidikan Islam (Siri 5) Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab Pemangkin Peradaban Ummah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan (1986). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Abu Zahari Abu Bakar.(1988). *Memahami psikologi Pembelajaran* . Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ahmad Mohd Salleh.(2011).*Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam* (2nd ed.). Oxford Fajar.
- Albert Bandura. (1994). *Self-Efficacy*. Encyclopedia of human behavior, Vol. 4. Academic Press.
- Allison, M., & Kaye, J. (1997). *Strategic planning for nonprofit organizations: A practical guide and workbook*. Wiley.
- Anderson G. (1994). *A proactive model for training needs analysis*. Sydney, Australia: MCB University Press.
- Archer, J. 1994. *Achievement goals as a measure of motivation in university students*.Contemporary Educational Psychology.
- Azman Che Mat, Md Radhi Hashim & Ahmad Faiz Yaakub. 2005. *Kecenderungan pelajar memilih bahasa Arab sebagai bahasa asing di UiTM dan KUSZA: Satu perbandingan*. Projek kajian dengan geran IRDC (Institute of Research, Development and Commercialization), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.

_____ (1999), *Bahan Kursus Pendedahan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan tahun 2007*, Kuala Lumpur : Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral .

Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and action: A Social Cognitive Theory*. New Jersey: Prentice Hall.

Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*.

Bernhardt, E. B. (1991). *Reading development in a second language: Theoretical, empirical and classroom perspectives*. New Jersey: Ablex Publishing Corporation.

Bidjerano, T., & Dai, D. Y. (2007). The relationship between the Big-Five model of personality and self-regulated learning strategies. *Learning and Individual Differences, 17*, 69-81.

Bruner, J. (1966): *Toward A Theory of Instruction*. Newton: New York.

Drever. J. (1952). *Dictionary of psychology*. Harmondsworth, Penguin Books, Middlesex.

Doljanac, R. F. (1994). Using motivational factors and learning strategies to predict academic success. *Dissertation Abstracts International, 56*(01A).

Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.

Gahungu, Olive N. (2007). The relationships among strategy use, self-efficacy, and language ability in foreign language learners. *Dissertasi Ed.D*. Northern Arizona University.

Gay, L. R., Mills, G. E, & Airasian, P. (2009). *Educational Research: Competencies for Analysis Application* (9th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.

Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah. (2010). Kebimbangan ujian dan motivasi dalam kalangan pelajar kursus Bahasa Arab dalam konteks kemahiran lisan, Vol.2, m.s. 46 – 58.

- Goh, Ying Soon & Ng, Ahsuan. 2004. The Bumiputra students' attitude in learning Mandarin at UiTM Campus Terengganu, Malaysia. *Kertas kerja untuk CSSR (Conference on Science and Social Science Research), 19-21 May, 2004*, di Kuching, Sarawak, Malaysia dan *pembentangan poster di The International Colloquium on Language, Attitudes and Education in Multilingual Cities, May 27 hingga May 28, 2004, Brussels, Belgium.*
- Grasha, A. F. (1996). *Teaching with style*. Pittsburgh, PA: Alliance.
- Holt, K. (2005). English proficiency of Chinese students and strategies of language learning. *Disertasi Ph.D.* University of Kansas.
- Hill, K. T., & Wigfield, A. 1984. *Test anxiety: A major educational problem and what can be done about it*. Elementary School Journal, 85(1): 106-126
- Husaimi Hj Othman. (1999). *Pengajian Balaghah di Sekolah Agama Rakyat (Perak): Pengalaman dan Tinjauan*. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ibtisam bt Abdullah & Zamri bin Ahmad. *Pengajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua*. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jersild. A.T. (1960). *Child psychology*. (5th Ed). Englewood Cliff: New York: Prentice-Hall.
- Jerie Anak Peter Langan & Zamri Mahamod. (2011). *Sikap dan motivasi murid Iban Dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.
- Kamaruddin Hussin. (1988). *Pedagogi bahasa* . Longman Malaysia.
- Kerlinger, F.N. (1986). *Foundations of behavioral research*. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Krejcie , R.V. dan Morgan , D.W. (1970). *Determining sample Size for Reseach Activities*. Educational and Psychological Measurement.

- Mohd Aris Othman. (2007). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Berbantuan Komputer Di Kalangan Pelajar Pencapaian Akademik Rendah Bagi Mataapelajaran Geografi Tingkatan 4 Negeri Sembilan*. Disertasi Kedoktoran Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Mohd Fadzli Ismail & Mohd Sukki Othman. (2012). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran Bahasa Arab : Satu tinjauan di SMAP Kajang Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar.(2003). *Rekabentuk tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Saupi, Hj. Md. Said; Goh, Ying Soon & Mohd Ishak Haji Badarudin. 2005. *Didaktik bahasa Perancis sebagai bahasa asing: Kajian persepsi dan sikap di kalangan pelajar Melayu di UiTM Terengganu*. Projek kajian dengan geran IRDC (Institute of Research, Development and Commercialization), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.
- Mok Soon Sang (2010). *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran-Pembelajaran*.(Edisi Kedua) Selangor: Multimedia Sdn.Bhd.
- Nakanoko, Kiyoshi. (2004). *Oral proficiency and language learning strategies: a preliminary effort to find learner internal factors that enhance oral proficiency of second language learners*. Disertasi Ph.D. University of Tennessee.
- Nik Mohd Rahimi. (1998). *Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: Satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad Ke- 21*. Prosiding Seminar Isu-isu PendidikanNegara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- O'Malley, J.M. & Chamot, A.U. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pintrinch, P.R. & Schunk, D.H.(1996). *Motivation in Education : Theory, Reseach and Aplications* .Englewood Cliffs, Nj : Prentice Hall.

- Pintrich, P. R., Smith, D. A. F., Garcia, T., & McKeachie, W. J. 1991. *A Manual For The Use Of The Motivated Strategies For Learning Questionnaire (MSLQ)*. Michigan: University of Michigan.
- Robert Lado.(1980). *Introducing of Second Language Acquisition*. (2nd Edition).New York: Cambridge University Press.
- Rosni bin Samah. 2009. *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. Cetakan Pertama. Bandar baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni bin Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab*. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sabariah Siron,(2005). *Teori kaunseling & psikoterapi*. Selangor : Prentice Hall.
- Schwarz, R.L. (1997). *Learning Disabilities and Foreign Language Learning: A Painful Collision*. American University.
- Spielberger, C.D. (1983). *Manual for the State-trait Anxiety Inventory (STAI-Form Y)*. Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.
- Steinberg, F. S. & Horwitz, E. K. (1986). *The Effect of Induced Anxiety on the Denotative and Interpretive Contact of Second Language Speech*. TESOL Quarterly.
- Stern, H.H. (1983). *Fundamental concepts of language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Truitt, S.N. (1995). *Anxiety and Beliefs about Language Learning: A Study of Korean University Students Learning English*. Tidak diterbitkan Disertasi Kedoktoran, The University of Texas.
- Wan Zarina, Azizah, Norfazila & Nur al-Huda.(2007). *Kajian Tahap Keresahan di Kalanagan Pelajar Bahasa Asing Terhadap Mata Pelajaran Asing*. Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Wharton, G. (2000). *Language learning strategy use of bilingual foreign language learners in Singapore*.Language Learning .
- Woolfolk A. E. (1993). *Educational Psychology*. (8th ed.). Boston : Allyn & Bacon: Boston.

Zamri Mahamood. (1993). *Sikap pelajar cina terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zawawi I. 2008. *Penilaian kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kurikulum bahasa Arab komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Zimmerman, B.J. (1989). *A social cognitive view of self-efficacy related academic learning*. Journal of Educational Psychology.

<http://felda.net.my>

http://ms.wikipedia.org/wiki/Lembaga_Kemajuan_Tanah_Persekutuan